



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGAPLIKASIAN ELEMEN MOTIVASI DALAM *SYOT CLOSE UP***

Wan Suhaika Bt Wan Hanadina

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
( Sinematografi )  
2011

**PENGAPLIKASIAN ELEMEN MOTIVASI DALAM *SYOT CLOSE UP***

**WAN SUHAIKA BT WAN HANADINA**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2011

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PENGAPLIKASIAN ELEMEN MOTIVASI DALAM SYOT CLOSE UP**

**SESI PENGAJIAN: 2007/2011**

Saya, **WAN SUHAIKA BT WAN HANADINA**

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*\* sila tandakan ( ✓ )

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

\_\_\_\_\_  
WAN SUHAIKA BT WAN HANADINA  
(PENULIS)

\_\_\_\_\_  
PUAN CANDIDA JAU EMANG  
(PENYELIA)

Alamat Tetap:  
No 77 Block G,  
Perumahan Jubakar Pantai,  
16200 Tumpat,  
Kelantan.

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: \* Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda  
\*\* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisas berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk ‘ **Pengaplikasian Elemen Motivasi Dalam Syot Close Up** ’ telah disediakan oleh Wan Suhaika Bt Wan Hanadina dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Sinematografi)

Diterima untuk diperiksa oleh:

-----  
( Puan Candida Jau Emang,)  
Penyelia

Tarikh:

-----

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Terlebih dahulu, saya mengucapkan syukur ke hadrat ILAHI kerana dengan limpah kurnia-NYA kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna dalam masa yang ditetapkan. Pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga tercinta yang telah banyak membantu saya dari segi sokongan, dorongan dan juga kewangan iaitu En Wan Hanadina Bin Wan Omar dan Puan Sakinah Yacob. Tidak lupa juga kepada kakak tersayang iaitu Puan Wan Suzny Izma Bt Wan Hanadina dan Puan Wan Suhaily Bt Wan Hanadina kerana banyak membantu saat saya dalam kesusahan sepanjang menyiapkan projek tahun akhir ini.

Seterusnya ucapan setinggi-tinggi terima kasih ditujukan kepada penyelia dan juga penasihat utama penyelidikan ini, iaitu Puan Candida Jau Emang yang telah bersama dan memberi nasihat dan cadangan serta rujukan dari peringkat permulaan kajian sehinggalah kajian ini selesai dilaksanakan. Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan buat pensyarah Sinematografi iaitu Cik Teo Miaw Lee, Cik Bernice Helena dan juga Puan Zarina Mohd Shah kerana turut membantu dari segi cadangan serta pendapat yang bernas. Serta tidak lupa juga kepada Ketua Jabatan Dr Nur Afifah Vanitha Abdullah.

Dan akhir sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada krew produksi “ Sekuntum Bunga Raya” kerana membantu dan memberikan sepenuh daya dan tenaga dalam menjayakan penyelidikan ini. Segala pertolongan yang diberikan saya dahulu dengan ucapan jutaan terima kasih.

Akhir sekali, sekalung budi dan terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dan juga kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Semoga kalian semua mendapat rahmat dari Ilahi. InsyaAllah. Sekian, wassalam.

## JADUAL KANDUNGAN

<b>Penghargaan</b>	<b>iii</b>
<b>Jadual Kandungan</b>	<b>iv</b>
<b>Senarai Rajah, Jadual dan Figura</b>	<b>v</b>
<b>Abstrak</b>	<b>vii</b>
<b><i>Abstract</i></b>	<b>viii</b>
<b>1. BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Kenyataan Masalah	6
1.3 Matlamat kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kerangka Kajian	8
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Limitasi	10
1.10 Metodologi	11
1.11 Kesimpulan	11
<b>2. BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>12</b>
2.0 Pengenalan	12
2.1 <i>Close Up Shot</i>	12
2.2 Pengenalan Kepada Enam Elemen <i>Motivation</i>	16
2.2.0 <i>Motivation</i>	16
2.2.1 <i>Information</i>	16
2.2.2 <i>Composition</i>	17
2.2.3 <i>Sound</i>	17
2.2.4 <i>Camera Angle</i>	17
2.2.5 <i>Continuity</i>	17
2.3 Perkaitan Elemen <i>Motivation</i> Dalam Syot	18
2.4 Kesimpulan	20
<b>3. BAB 3 METODOLOGI</b>	<b>21</b>
3.0 Pengenalan	21
3.1 Maksud Dan Kepentingan Elemen <i>Motivation</i>	24
3.2 Jenis <i>Close Up</i>	25
3.3 Perkaitan Elemen <i>Motivation</i> Dalam <i>Close Up</i>	28
3.4 Analisa Filem	29

3.4.0 <i>Slumdog Millionaire</i>	29
3.4.1 Filem Pendek Pelajar Perfileman	30
i. Iklan Kek Lapis Sarawak ( Tahun 1 )	30
ii. Yin Quo ( Tahun 2 )	33
iii. Déjà vu ( Tahun 3 )	33
3.5 Perkaitan Filem Dengan Elemen <i>Motivation</i>	34
3.5.0 Komposisi	34
3.5.1 Realistik	34
3.5.2 Intertekstual Atau Generik	35
3.5.3 Artistik	35
3.6 Temuramah	35
3.6.0 Soalan Temuramah	35
3.7 Analisa Data	37
3.8 Dapatan Kajian	38
3.9 Kesimpulan	39
<b>4. BAB 4 PERBINCANGAN PROJEK TAHUN AKHIR</b>	<b>40</b>
4.0 Pengenalan	40
4.1 Tagline	40
4.2 Tema	40
4.3 Sinopsis	41
4.4 Watak Dan Perwatakan	41
4.4.0 Azika	41
4.4.1 Azali	42
4.5 Pengaplikasian Kajian Ke Dalam Projek Tahun Akhir	42
4.6 <i>Pre – Production</i>	45
4.7 <i>Production</i>	46
4.8 <i>Post Production</i>	47
4.9 Dapatan Kajian	47
4.10 Kelemahan Projek	47
4.11 Kekuatan Projek	48
4.12 Kesimpulan	48
<b>5. BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>49</b>
5.0 Kesimpulan	49
5.1 Cadangan	49
<b>Bibliografi</b>	<b>51</b>
<b>Lampiran</b>	<b>53</b>

## SENARAI RAJAH, JADUAL DAN FIGURA

Rajah 1	-	( Elemen yang terdapat dalam syot )	22
Figura 1	-	( <i>Close Up</i> Pertama )	23
Figura 2	-	<i>Close Up</i>	25
Figura 3	-	<i>Big Close Up</i>	25
Figura 4	-	<i>Medium Close Up</i>	25
Figura 5	-	<i>Ekstreme Close Up</i>	25
Figura 6	-	<i>Slumdog Millionaire</i>	30
Figura 7	-	<i>Slumdog Millionaire</i>	30
Figura 8	-	<i>Slumdog Millionaire</i>	30
Figura 9	-	<i>Slumdog Millionaire</i>	30
Figura 10	-	Iklan Kek Lapis Sarawak	31
Figura 11	-	Iklan Kek Lapis Sarawak	31
Figura 12	-	Iklan Kek Lapis Sarawak	31
Figura 13	-	Iklan Kek Lapis Sarawak	31
Figura 14	-	Yin Quo	32
Figura 15	-	Yin Quo	32
Figura 16	-	Yin Quo	32
Figura 17	-	Yin Quo	32
Figura 18	-	Yin Quo	33
Figura 19	-	Déjà vu	34
Figura 20	-	Déjà vu	34
Jadual Soalan Temuramah			35
Figura 21	-	Sekuntum Bunga Raya	43
Figura 22	-	Sekuntum Bunga Raya	43
Figura 23	-	Sekuntum Bunga Raya	43
Figura 24	-	Sekuntum Bunga Raya	43
Figura 25	-	Sekuntum Bunga Raya	43
Figura 26	-	Sekuntum Bunga Raya	43
Figura 27	-	Sekuntum Bunga Raya	44
Figura 28	-	Sekuntum Bunga Raya	44
Figura 29	-	Sekuntum Bunga Raya	45
Figura 30	-	Sekuntum Bunga Raya	45



## ABSTRAK

### PENGAPLIKASIAN ELEMEN MOTIVASI DALAM *SYOT CLOSE UP SHOT*

Wan Suhaika Wan Hanadina.

Syot merupakan antara elemen penting dalam penyampaian sesuatu naratif filem. Pemilihan syot dipengaruhi oleh enam element utama antaranya *motivation, information, composition, sound, camera angle* dan *continuity*. Roy Thompson menyatakan bahawa *Motivation* merupakan satu bahagian yang dapat memberi dan menunjukkan objek secara halus kepada penonton. Pemilihan *close up shot* untuk mengaplikasikan elemen *motivation* adalah kerana *motivation* merupakan satu elemen yang jarang dilihat dan diberi perhatian oleh penonton. Kadang kala, penonton tidak perasan terdapatnya elemen *motivation*. Kegagalan penonton dalam memahami elemen *motivation* menyebabkan penonton tidak memahami maksud yang cuba disampaikan pengarah secara simbolik dan penuh kehalusan. *Close up shot* adalah untuk menerangkan dengan lebih jelas kepada penonton mengenai elemen *motivation*. Oleh yang demikian, penghasilan filem pendek “ Sekuntum Bunga Raya “ adalah hasil kajian yang dilakukan untuk menjelaskan dan memperincikan lagi elemen *motivation*.

## **ABSTRACT**

### **APPLICATION OF MOTIVATION ELEMENT IN CLOSE UP SHOT**

*Wan Suhaika Wan Hanadina*

*Shot is one of the important elements in delivering a film narrative. The selection of shot is greatly influenced by these six main elements such as Motivation, Information, Composition, Sound, Camera Angle and Continuity. According to Roy Thompson, Motivation is a part that can give and show objects in fine to the audience. Close up shot selection to apply the elements of motivation is that motivation is an element that is rarely seen and be heard by the audience. Sometimes, the audience did not realize there are elements of motivation. Failure of the audience in understanding the motivation element causing the audience did not understand the director trying to symbolically present and full of subtlety. Close up shot is to explain more clearly to the audience about the elements of motivation. Therefore, a short video entitled 'Sekuntum Bunga Raya' or 'The Hibiscus' will be produced based on the data gathered that will explained more detail on motivational elements.*

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pengenalan

Menurut Ramli Mohamed, 2003, “ Filem merupakan sebuah gambaran dan paparan visual yang menceritakan tentang kejadian sebenar dan fiksi kepada penonton. Sejarah kewujudan filem bermula sejak tahun 1895 oleh Lumiere Brothers. Dengan percubaan pertama pasangan adik beradik ini yang merakamkan sekumpulan pekerja yang keluar dari kilang di Lyons Perancis, di situlah sejarah perfileman bermula”. Namun pada zaman tersebut, tiada kemudahan yang membolehkan filem dapat ditayangkan di seluruh dunia. Kini, kemudahan teknologi yang semakin membangun dari masa ke semasa menjadikan filem dapat ditayangkan sehingga ke seluruh dunia tanpa sempadan.

Menurut Kracauer, ( 1992 ), filem adalah sebuah material visual yang memaparkan seni, psikologikal penonton terhadap apa yang ditonton dan jalan cerita yang mempunyai motivasinya yang tersendiri. Filem juga boleh didefinisikan sebagai *Motion Picture*. Setiap filem yang dihasilkan adalah berpandukan kepada jalan cerita dan teknik penyampaian. Perkara tersebut merupakan gabungan daripada elemen perfileman seperti elemen pada syot, pelakon yang berbakat, sinematografi yang menarik, *mise-en-scene* dan lokasi.

Kemajuan teknologi filem boleh dilihat dari segi stok filem, kamera, pencahayaan, set rakaman, solekan dan kesan khas yang telah mencipta visual yang lebih berkualiti dari segi mutunya. Kemajuan teknologi ini juga membolehkan filem dapat divisualkan dengan gambaran seolah olah teknologi menjadi cermin kepada dunia pada masa hadapan.

Filem bermula dari pengalaman serta persekitaran yang berubah menjadi sebuah idea. Idea tersebut akan diluahkan menjadi sebuah skrip dan penggambaran akan dilakukan untuk menjadikan skrip kepada filem. Untuk menjadikan setiap *scene* menarik, proses penyuntingan akan dilakukan di mana setiap aksi yang dilakonkan semasa penggambaran akan dipotong dan dicantumkan untuk membentuk satu adegan. Kaedah potongan ini biasanya akan dilakukan di dalam proses penyuntingan. Terdapat banyak jenis syot yang harus dipotong dan dicantumkan untuk membentuk satu babak yang baik. Namun setiap *scene* mempunyai beberapa syot seperti *close up*, *wide shot*, *medium shot*, *full shot* mahupun *establish shot*. Kesemua syot ini pula mempunyai enam elemen iaitu *motivation*, *information*, *composition*, *sound*, *camera angle* dan *continuity* yang membantu setiap syot ini memberi maksud dan makna yang lebih mendalam kepada penonton. Penggunaan setiap elemen ini menjadikan setiap syot lebih menarik.

Seorang sutradara yang berkaliber perlu mengetahui semua aspek dan langkah-langkah dalam proses penerbitan filem. ( Muhammad Hatta Muhammad Tabut. 2001, ). Begitu juga dengan pengambilan setiap syot harus dikaji dan dinilai kenapa, bagaimana, dan apa kriteria yang harus ada

sebelum keputusan dalam pengambilan syot diputuskan. Pengambilan setiap syot tidak hanya diketahui oleh pengarah sahaja, malahan produser, penulis skrip, *cameraman* serta semua krew dalam pembikinan filem harus mengetahui kenapa setiap syot diambil. Pengetahuan sebegini penting dalam pembikinan sesebuah filem kerana dengan pengetahuan sebegini bukan sahaja menjadikan filem lebih menarik malahan filem tersebut turut mempunyai kualiti yang tinggi.

Filem merupakan sumber penting untuk mendidik masyarakat secara rohaniah serta lahiriah, memberi maklumat serta infomasi, dapat membuka minda umum serta menjadi penghubung masyarakat seluruh dunia dalam mengenali negara, negeri, budaya, adat serta cara hidup manusia di seluruh dunia. Dengan filem juga, kita berpeluang bercerita dengan memberi teladan, nasihat, pedoman dan dengan filem jugalah penonton dapat mendengar cerita sama ada cerita tersebut berunsur fantasi, komedi, sejarah, mahupun realiti dunia. Namun, filem akan menjadi sebuah filem berkualiti serta mampu mendidik secara halus dan mendalam kepada penonton seandainya filem dilakukan dengan menggunakan teknik dan elemen yang betul dari permulaan proses kajian hinggalah kepada penayangan filem tersebut.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Syot merupakan pecahan *sequence* yang bersambung yang dapat menyampaikan sesuatu naratif cerita. *Close up* adalah *shot* yang diambil dari paras kepala hingga bahu. *Close up* juga dapat diambil syot seperti sebatang rokok mahupun pandangan mata. *Close up shot* juga dikenali sebagai '*cut*

*away'* iaitu *shot* yang besar seperti *medium shot* dan penukaran *shot* kepada *close up* untuk menunjukkan dengan lebih teliti dan lebih *detail* terhadap sesuatu adengan mahupun aksi. Penggunaan *close up* walaupun amat terhad namun ia masih dapat dipelbagaikan dengan penggunaan pergerakan kamera serta *angle* seperti *medium close up direct to camera*, *medium close up high angle direct to camera* dan *medium close up low angle direct to camera* ( Roy Thompson. 1998. )

Pemilihan *close up shot* untuk mengaplikasikan elemen *motivation* adalah kerana *motivation* merupakan satu elemen yang jarang dilihat dan diberi perhatian oleh penonton. Kadang kala, penonton tidak perasan terdapatnya elemen *motivation*. Kegagalan penonton dalam memahami elemen *motivation* menyebabkan penonton tidak memahami maksud yang cuba disampaikan pengarah secara simbolik dan penuh kehalusan. *Close up shot* adalah untuk menerangkan dengan lebih jelas kepada penonton mengenai elemen *motivation*.

Menurut Bordwell ( 1986 ) dalam jurnal bertajuk, "*Classical Hollywood Cinema: Narrational Principles and Procedures*." mendefinisikan empat jenis motivasi iaitu komposisi, realistik, intertekstual atau generik, dan artistik. Motivasi komposisi merujuk pada pilihan yang dibuat dalam komposisi syot. Misalnya, *close-up* pisau di atas meja mencetuskan harapan penonton agar pelakon menggunakannya. Realistik motivasi merujuk pada realisme harapan dari pengalaman seharian para pelakon contohnya jika watak tersebut kaya, ianya harus tinggal di banglo mewah. Jika watak tersebut miskin, ianya haruslah tinggal di penempatan yang daif bagi meraih

simpati penonton. Motivasi intertekstual merujuk pada harapan yang lebih luas dari penonton apabila menonton. Penonton mengharapkan sesebuah cerita mempunyai pengakhiran yang baik seperti " *happy ending* ". Dan motivasi yang terakhir iaitu motivasi artistik muncul untuk menjadikan filem tersebut lebih baik dan berkualiti.

Dari pengalaman dan pemerhatian pengkaji sebagai seorang pelajar filem, semasa pengkaji masih belajar di tahun satu, pengambilan setiap syot adalah wajib. Setiap syot seperti *close up, medium shot, wide shot, establish shot, full shot* akan diambil dan akan dimasukkan ke dalam setiap scene semasa proses penyuntingan. Setiap scene pasti ada semua syot yang dinyatakan tersebut.

Pada pemikiran pelajar perfileman, seandainya semua syot ada dalam sesebuah scene mahupun filem, pastinya filem tersebut sudah memenuhi setiap kriteria yang harus ada dalam filem. Namun kebanyakan pelajar tidak mengetahui bahawa setiap syot yang diambil mempunyai beberapa elemen dan pengambilan setiap syot juga harus mempunyai maksud dan tujuan yang tersendiri. Namun, dalam permasalahan ini, pelajar tidak mengetahui elemen tersebut dan tidak menggunakan elemen yang terdapat di dalam syot ke dalam filem mereka.

Dalam pembentukan sesebuah naratif cerita memerlukan beberapa elemen iaitu *motivation, information, composition, sound, camera angle* dan *continuity* untuk membentuk satu perjalanan cerita yang menarik. Dengan adanya elemen-elemen sokongan dalam membentuk satu naratif cerita, ia

mampu memberi kepuasan kepada para penonton hasil daripada gabungan pelbagai elemen tersebut. ( Hidzayat bin Sirat, 2002 )

## **1.2 Kenyataan Masalah**

*Close up* sering kali di salah ertikan dengan hanya satu syot. *Close up* terdapat dalam beberapa variasi namun kesemua variasi shot tidak diketahui secara jelas oleh umum terutama pelajar perfileman. *Close up* sering dikaitkan dengan emosi penonton. Hal ini menyebabkan terjadinya satu limitasi kepada penggunaan *close up* yang terhad hanya kerana pengetahuan yang cetek. Di dalam setiap syot, setiap elemen merupakan nadi kepada naratif cerita. Namun elemen *motivation* tidak diketahui kewujudannya di dalam filem.

## **1.3 Matlamat Kajian**

Dalam pembikinan filem, seharusnya penulis skrip mahupun pengarah tahu tentang asas filem. Asas filem bukan bergantung pada teknikal malahan ianya bergantung pada setiap elemen, maksud serta penyampaiannya. Elemen motivasi seperti komposisi, realistik, intertekstual atau generik dan artistik akan diperjelaskan lagi. Dari sini, pengkaji ingin memperjelaskan elemen motivasi yang ada di dalam filem namun tidak diambil kira oleh pengarah mahupun penulis skrip.



#### 1.4 Objektif Kajian

- i. Mengkaji maksud dan kepentingan elemen *motivation*
- ii. Mengenalpasti jenis jenis *close up shot* yang terdapat di dalam filem.
- iii. Membuat *analysis* terhadap filem yang dihasilkan oleh pelajar tahun 1, 2 dan 3 serta filem *Slumdog Millionaire*.
- iv. Membuat eksperimentasi terhadap penggunaan *element motivation* dalam *close up shot* ke dalam filem pendek.

#### 1.5 Persoalan Kajian

Dalam persoalan kajian, pengkaji cuba untuk merungkai setiap persoalan yang terdapat dalam kajian. Terdapat beberapa persoalan pengkaji iaitu :

- i. Bagaimanakah elemen *motivation* yang terdapat dalam *close up shot* dapat menyampaikan maksud kepada penonton?
- ii. Bagaimanakah pemilihan *close up shot* dibuat oleh pengarah dan apakah elemen-elemen yang dipertimbangkan sebelum proses pemilihan dilakukan?

#### 1.6 Kerangka Kajian

Dalam kajian ini, satu rangka kajian diperlukan bagi memandu kajian ini supaya lebih menjurus kepada tujuan dan matlamat kajian. Pada permulaan, pengkaji akan mengumpul serta mencari maklumat berupa filem yang menggunakan *close up shot* yang lebih teliti. Pengkaji akan mendapatkan informasi daripada bahan bacaan atau sebarang bentuk teks

yang menyatakan tentang *close up shot* yang dikatakan teknik menipu di dalam filem.

Kemudian, pengkaji akan meneruskan kajian ini dengan menggunakan kaedah metodologi. Kaedah ini, pengkaji akan menganalisa dapatan dan informasi yang telah dikumpulkan melalui proses yang dilakukan sebelumnya. Kajian terhadap filem pelajar perfileman dari tahun 1, 2 dan 3 akan dilakukan untuk mengetahui elemen, kepentingan dan maksud dalam setiap syot yang digunakan. Selain itu kajian turut mengambil filem bertaraf antarabangsa iaitu *Slumdog millionaire* arahan Danny Boyle yang diiktiraf dunia sebagai filem terbaik serta tersenarai sebagai filem yang mempunyai elemen *motivation*. Kajian filem ini adalah untuk melihat sejauh mana kepentingan *close up* dan elemen *motivation* dalam setiap syot. Seterusnya pengkaji akan mengaplikasikan ke dalam filem pendek yang akan dihasilkan pengkaji. Pada peringkat akhir, pengkaji akan memperolehi keputusan atau dapatan kajian.

## **1.6 Skop Kajian**

Pengkaji akan menjelaskan secara lebih terperinci mengenai maksud dan kepentingan *close up shot*. *Close up* yang dapat dipecahkan seperti *extreme close up*, *big close up*, *medium close up* akan dihurai dengan lebih terperinci dengan pengaplikasian elemen *motivation*. Kajian ini akan dirujukan pada filem-filem pelajar perfileman tahun 1,2 dan 3 dalam mengenal pasti element *motivation* yang terdapat dalam *close up shot* dan filem *Slumdog Millionaire* yang mempunyai elemen *motivation* yang telah digarap dan dipersembahkan dengan baik. Pemilihan filem ini adalah kerana

filem ini telah memenangi lapan anugerah di seluruh dunia dan tersenarai sebagai filem yang mempunyai elemen *motivation* yang jelas dan terperinci.

Selain itu, skop kajian yang dijalankan pengkaji adalah ingin menunjukkan bahawa penggunaan *close up shot* bukan sahaja menunjukkan makna dan sebagai penyelamat kesinambungan filem tetapi sebagai *cut away* ( konti ), dan juga *close up shot* juga mampu memperincikan lagi elemen *motivation* dengan lebih jelas agar penonton dapat memahami elemen tersebut dengan lebih baik. Elemen *motivation* ini boleh juga diambil melalui teknik *depth of field* dan memperkenalkan watak serta memperkenalkan maksud yang ingin disampaikan secara gambaran dan simbol di dalam sesebuah *frame*. Selain itu, pengkaji akan memperincikan lagi keempat empat jenis *close up* ( *close up*, *extreme close up*, *big close up*, *medium close up* ) dengan lebih teliti.

### **1.7 Limitasi**

Dalam limitasi kajian ini, kekangan yang dihadapi dalam mencari bahan untuk membuat tesis adalah sumber kajian lepas yang mengkaji mengenai *element motivation* secara lebih terperinci. Sebahagian besar kajian seperti buku, jurnal, keratan akhbar yang berbicara mengenai *close up shot*

Selain itu, kemungkinan yang akan dihadapi oleh pengkaji adalah sumber maklumat yang tidak jelas. Hal ini kerana pengkaji melakukan kajian kepada pelajar tahun 1, 2 dan 3 dan kemungkinan hasil kajian tidak dapat memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh tentang *close up shot*

dan elemen *motivation*. Selain itu, kemungkinan juga filem pelajar tidak memuaskan hati serta tiada kualiti. Hal ini kerana kebanyakan pelajar masih di peringkat pembelajaran asas dan masih belum mampu menghasilkan filem yang bermutu tinggi. Walaupun sedemikian, pengkaji beranggapan, seorang sutradara yang baik bermula dari seribu kesilapan dan dengan kesilapan itulah sebuah filem yang berkualiti dapat dihasilkan

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah penting untuk mengubah persepsi pelajar perfileman agar tidak menganggap *close up shot* sebagai syot yang mudah dan penyelamat kepada sesebuah kesinambungan. Pelajar harus mengetahui bahawa, filem bukan sahaja sebagai tempat untuk bercerita namun filem juga mempunyai seni yang tinggi yang harus di tonjolkan dengan baik agar filem menjadi sebuah hasil seni yang dapat dibanggakan. Selain itu, kajian ini penting untuk bahan bacaan umum supaya pengetahuan mengenai penggunaan *close up shot* dapat dinilai dengan lebih baik.

### **1.9 Metodologi**

Kaedah kualitatif yang akan digunakan oleh pengkaji adalah *content analysis* dimana pengkaji akan mengumpul dan menganalisis sesuatu kandungan teks yang berbentuk seperti frasa, ayat, gambar, simbol mahupun idea. Kajian dari sumber dari buku, internet, jurnal, tesis serta

risalah juga merupakan kaedah utama pengkaji. Pengkaji turut melakukan analisis terhadap filem *Slumdog Millionaire* dan filem- filem pelajar tahun 1, 2, dan 3 untuk mendapatkan dapatan kajian yang menjawab kepada persoalan pengkaji. Kaedah pengumpulan data secara premier ini akan dilakukan dimana pengkaji akan melakukan temuramah terhadap pelajar perfileman untuk mengetahui apakah aspek yang mendorong dalam pemilihan syot. Temuramah akan dilakukan terhadap pengarah, penulis skrip dan *cameraman* untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pengetahuan mereka terhadap *element motivation* dan pemilihan syot di dalam filem

### **1.10 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, syot mempunyai enam elemen penting iaitu *motivation, information, composition, sound, camera angle* dan *continuity* yang membantu perjalanan setiap cerita. Pengaplikasian elemen *motivation* dalam *close up shot* dapat menjelaskan secara lebih terperinci mengenai penggunaan elemen tersebut agar penonton lebih jelas mengenai kepentingan dan tujuan yang cuba disampaikan kepada penonton.

## BAB 2

### SOROTAN KESUSASTERAAN

#### 2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang beberapa penulisan dan kajian dari penulis lain serta secara ilmiah yang merangkumi penulisan dari buku, jurnal, akhbar, forum, tesis dan penulisan dari internet. Kesemua sumber rujukan ini akan diulas dan dibincangkan dengan perkaitannya dengan kajian pengkaji.

#### 2.1 *Close Up Shot*

Dalam sebuah laman web yang membincangkan tentang syot dan filem, menyatakan bahawa syot merupakan satu perkara terpenting dalam filem. Kelahiran filem pada pertama kalinya oleh Lumiere Brothers pada tahun 1895 adalah bermula dari syot.

Menurut buku *theory of the film*, Bela Balazs menyatakan bahawa *close up* dapat menunjukkan pergerakan dengan lebih berkualiti dan berkesan.

*“ The close up can show us a quality in a gesture of a hand that we had never noticed before. The close up shows your shadow on the wall with you have lived all your life and which you scarcely knew “*

( Bela Balazs, 1976, m/s. 98 )

Abraham Japhet Jarak Ak. Albert ( 2007 ) dalam tesisnya yang bertajuk “ peranan dramatik dalam perkembangan naratif “ menyatakan bahawa visual merupakan perkara yang berkaitan dengan sesuatu pandangan dan digunakan untuk menunjukkan dalam pengenalan watak dalam perkembangan naratif cerita sewaktu visual boleh dihidupkan melalui teknik camera. Contohnya dari segi pemilihan syot yang mampu memberi kesan kepada penonton dan memberi gambaran yang jelas terhadap naratif cerita.

*Close up* terbahagi kepada empat iaitu *close up*, *medium close up*, *big close up* dan *ekstreme close up*. Menurut Roy Thompson dalam bukunya yang bertajuk *grammar of the shot. Framing close up* adalah dari paras kepala. ( aras bahu hingga hujung kepala ) *close up* dapat di pelbagaikan menjadi *close up direct to camera*, *close up high angle* dan *close up low angle*. *Medium close up* pula mempunyai *headroom* yang normal iaitu ianya mempunyai ruang antara ruang di atas kepala. *Frame medium close up* adalah dari aras atas pinggan hingga hujung kepala. *Medium close up* dapat diambil dari sudut *direct to camera*, *medium close up high angle* dan *medium close up low angle*. *Big close up* merupakan *angle* yang menumpukan bahagian dagu

hingga dahi watak. Kebiasaanya *big close up* tidak mementingkan *headroom*. *Ekstreme close up* pula adalah menumpukan pada sesuatu subjek secara lebih terperinci. Contohnya penumpuan pada mata, hidung mahupun mulut.

Hidzayat Bin Sirat ( 2002 ) dalam tesisnya bertajuk ” *close up* : satu kajian terhadap penggunaannya sebagai pergerakan pembentukan naratif filem ” menyatakan bahawa teknik *close up* merupakan sesuatu yang agak unik dalam pembentukan filem. Beliau menegaskan, *close up* mampu untuk menjadi perantaraan antara watak dengan penonton walaupun watak tersebut bisu. Melalui penggunaan teknik *close up*, ia mampu memberi satu gambaran atau reaksi kepada penonton tentang apa yang cuba untuk disampaikan melalui gerakan muka atau reaksi muka watak tersebut.

Walaupun kenyataan Hidzayat lebih fokuskan kepada reaksi watak, namun ia dapat disimpulkan bahawa *close up* mampu menunjukkan sesuatu perlakuan watak, reaksi, pergerakan kecil serta perkara perkara yang kecil dengan lebih jelas kepada penonton. Kenyataan Hidzayat bertepatan dengan kajian pengkaji di mana pengkaji ingin menunjukkan elemen *motivation* yang dikatakan sukar dilihat ke dalam *close up shot*. Penggunaan *close up shot* mampu menerangkan serta menunjukkan kepentingan penggunaan elemen *motivation* di dalam filem.

Terdapat beberapa kajian mengenai penggunaan syot di dalam filem. Namun kebanyakannya mengkaji mengenai kepentingan syot. Secara umumnya, kebanyakan kajian adalah mengenai syot yang lebih general ( umum dalam konteks syot ).